



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan
Wisma Tani, Blok Podium 4g1, Presint 4
62630 Putrajaya
Malaysia
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
Email: kp@dvs.gov.my / pro@dvs.gov.my



SIARAN MEDIA

INDUSTRI PENTERNAKAN ARNAB MAMPU MEMBERI PERSAINGAN SIHAT KEPADA KOMODITI SEDIA

KOTA BHARU, 1 Ogos 2021- Industri penternakan arnab di negara ini berpotensi untuk dimajukan sebagai industri baharu dalam sektor penternakan, demikian menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan tinjauan ke atas projek ternakan arnab di Kg Lambor, Wakaf Bharu yang diusahakan Encik Ismail Jusoh.

Katanya, industri ini menarik ramai penternak memandangkan pusingan untuk membuah hasil ternakan adalah singkat, disamping kosnya yang lebih murah berbanding penternakan haiwan yang lain.

Tambahnya, pulangan yang cepat dan lumayan serta peningkatan permintaan terhadap daging arnab mendorong permintaan dikalangan masyarakat sebagai alternatif kepada sumber protein selain lembu, kambing dan ayam.

Menurut beliau, statistik ternakan, 2020 yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, mencatatkan populasi ternakan arnab di Malaysia dianggarkan sebanyak 44,967 ekor meliputi arnab pedaging dan sebagai haiwan kesayangan. Sementara di Kelantan, populasi arnab menunjukkan pertambahan yang memberangsangkan sejak lima tahun kebelakangan iaitu pertumbuhan sehingga 10,506 ekor pada tahun 2020 berbanding 1,309 ekor tahun 2015.

“Statisik juga menunjukkan seramai 301 penternak di seluruh Kelantan mengusahakan ternakan arnab secara aktif”, tambahnya.

Harga daging arnab juga mendorong penternak untuk bergiat dalam industri ini. Harga arnab sekitar RM35 setiap kilo dan berat antara 1.0kg hingga 1.6kg bagi setiap ekor. Kebanyakan arnab sesuai disembelih ketika umurnya melebihi 90 hari.

Mengulas mengenai penternak pula, Che Abdullah berkata kebanyakan penternak arnab di Kelantan bergerak secara aktif melalui persatuan. Antaranya Persatuan Penternak Arnab Kelantan (PETAK) dan Persatuan Penternak Arnab Pedaging Kelantan (APek).

Kementerian katanya, melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan telah melaksanakan Skim Agropreneur Muda dan sehingga suku pertama 2021 berjaya membantu seramai 16 orang penternak arnab berpotensi melalui menyediakan bantuan berjumlah RM320,000.00 dan sokongan berbentuk kelengkapan penternakan, infrastruktur, bekalan ternakan dan makanan ternakan.

“Pihak kementerian tidak meletakkan syarat khusus untuk menternak arnab namun, digalakkan untuk mengikuti kursus asas penternakan arnab yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, ujar beliau.

Katanya, Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa menyokong perkembangan positif industri penternakan arnab melalui bantuan, kursus penternakan dan khidmat nasihat.

“Adalah menjadi harapan kementerian agar industri ini mampu memberi persaingan sihat kepada komoditi sedia ada seterusnya dapat meningkatkan pendapatan penternak,” tambahnya.

**Disediakan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
1 Ogos 2021**